

# Krisis lantikan Datuk Luak Kelana 16/12/87 sudah selesai?

SEREMBAN, Selasa — Datuk-Datuk Ketua Adat termasuk Datuk-Datuk Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong dikatakan sudah mencapai kata sepakat berhubung usaha mencari penyelesaian terhadap krisis perantikan Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10.

Mereka dipercayai bersetuju untuk mengempikan segala perbezaan pendapat dan salah-faham pada masa lalu dalam usaha merumuskan satu jalan penyelesaian yang adil terhadap krisis itu.

Untuk ini, mereka dikatakan sudah berikrar akan bekerjasama dengan Datuk Shahbandar Shahari Haji Hassan bagi menjayakan penubuhan sebuah 'Jemaah Tertinggi Adat' Luak Sungai Ujong tidak lama lagi.

Ini dicapai hasil campurtangan Datuk Shahbandar Shahari, yang mengadakan perbincangan tidak rasmi dengan Datuk Andika Mendelika Fadzil Nordin di Pantai dekat sini malam tadi, kata satu sumber tertinggi adat hari ini.

"Datuk Shahbandar Shahari, yang disertai oleh seorang Tiang Balai Waris di Air, Datuk Perdana Menteri Haji Kahar Sikin bertemu dengan Datuk Andika Mendelika Fadzil selaku Lembaga Tua Tiang Balai Luak Sungai Ujong.

"Perbincangan yang berlangsung di kediaman Datuk Andika Mendelika Fadzil di Pantai itu turut dihadiri oleh seorang lagi Datuk Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong iaitu Datuk Penghulu Dagang Parol Mohd Nor Abdullah.

"Dalam perbincangan itu, Datuk An-

dika Mendelika Fadzil dikatakan menyatakan kesediaannya untuk bekerjasama dengan Datuk Shahbandar Shahari dalam menjayakan penubuhan jemaah berkenaan dan seterusnya mencari jalan penyelesaian terhadap krisis perantikan Datuk Kelana ke-10," kata sumber itu kepada *Berita Harian* di sini.

Sebagai langkah awal, jelas sumber itu Datuk Shahbandar Shahari akan mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Negeri Sembilan bagi membolehkan Balai Undang Luak Sungai Ujong di Jalan Tasik di sini dibuka semula untuk menjayakan penubuhan Jemaah itu.

Pembukaan semula balai itu juga membawa pengertian bahawa urusan pentadbiran adat di Luak Sungai Ujong berjalan seperti sediakala.

Kerajaan Negeri Sembilan menutup balai itu Ogos lalu tidak lama selepas ia 'dirampas' oleh seorang anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Dusun, Encik Samsir Haji Sulaiman, yang mengisytiharkan dirinya sebagai penyandang pesaka Datuk Kelana ke-10.

"Untuk ini, Datuk Shahbandar Shahari akan mengadakan perbincangan dengan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Amirrudin Kaharudin tidak lama lagi," tambah sumber itu.

Mesyuarat penubuhan jemaah itu dijangka beransang di balai berkenaan tidak lama lagi dan ia akan dipengerusikan oleh Datuk Shahbandar Shahari.

Krisis perantikan Datuk Kelana ke-10, yang bermula sejak Oktober 1983 dikatakan berpunca dari perselisihan pendapat di kalangan Datuk-Datuk Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong.